☑ Sinar Harian
☐ Sinar Ahad
Terbit: 29/3/2012
Hal: Utama/S M/S: U26
Ruangan: PENDIDIKAN

Kor Suksis UUM sertai polis

NURUL FATIHAH SULAINI

ALOR SETAR - Kor Sukarelawan Polis Siswa Siswi (Suksis) Universiti Utara Malaysia (UUM) turut berpeluang menyertai sambutan perhimpunan sempena memperingati Hari Polis ke-205, di Kompleks Latihan Anak Bukit, di sini, tiga hari lalu.

Ketua Polis Kedah, Datuk Ahmad Ibrahim berkata, mereka menerima respons menggalakkan daripada orang ramai yang berminat untuk sertai sukarelawan polis.

"Walaupun kekosongan tempat ditawarkan hanya 100 lebih, tetapi mereka yang memohon lebih 1,000 termasuk memohon melalui Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK), Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) dan balai polis," katanya.

Dalam majlis sama, seramai 73 orang menerima sijil pelbagai kategori melibatkan polis, sukarelawan polis, Kor Suksis dan kadet sekolah.

Ahmad berkata, mereka juga akan terus mengerakkan pelbagai program kemasyarakatan untuk mendekatkan hubungan polis dengan masyarakat dan penuntut dalam menyalurkan pelbagai maklumat berkaitan kegiatan jenayah.

"Kita sudah mengadakan program berkenaan di Kuala Nerang Padang Terap, dan akan ke Kulim serta memastikan daerah lain turut berbuat demikian," katanya.

Hebahkan aktiviti komuniti anda hubungi Sinar Harian

Ahmad Ibrahim (depan, enam dari kanan) bersama Kor Suksis UUM.